

12 AUG 1996

Abdullah-Myanmar

MALAYSIA T/TANGANI BEBERAPA PERJANJIAN PERDAGANGAN DENGAN MYANMAR

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia dijangka menandatangani beberapa perjanjian lagi dengan Myanmar apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat negara itu tidak lama lagi.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi hari ini berkata Perjanjian Jaminan Pelaburan, Perjanjian Mengelak Cukai Berganda dan Perjanjian Bayaran Dua Hala adalah antara perjanjian yang akan ditandatangani kelak.

Dr Mahathir bersetuju melawat negara itu selepas menerima jemputan daripada Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar (SLORC), Jen Than Shwe, katanya.

Beliau memberitahu persidangan berita demikian selepas menghadiri majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Teknikal mengenai Ekonomi, Sainifik dan Teknikal antara Malaysia dan Myanmar di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Abdullah menandatangani perjanjian itu bagi pihak Malaysia manakala Myanmar diwakili Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Nasional Brig-Gen Abel.

Dr Mahathir dan Jen Than Shwe menyaksikan majlis itu yang akan membuka jalan bagi kedua-dua pihak untuk menubuhkan suruhanjaya bersama bagi menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Sebelum itu, Jen Than Shwe, yang tiba di sini hari ini bersama-sama 35 anggota rombongan termasuk lima menteri, mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya. Semasa pertemuan sejam itu, Jen Than Shwe memberi taklimat mengenai keadaan di Myanmar kepada Dr Mahathir.

"Perjanjian-perjanjian ini sedang dikaji oleh kedua-dua pihak dan berharap ia dapat ditandatangani... mungkin semasa Perdana Menteri melawat Myanmar.

"Kedua-dua pihak nampaknya berminat untuk meningkatkan kerjasama," katanya.

Mengenai Kerjasama Ekonomi, Sainifik dan Teknikal, Abdullah berkata ia akan memperluaskan kerjasama antara kedua-dua pihak seperti menawarkan tempat latihan bagi pelatih-pelatih Myanmar dalam pelbagai bidang termasuk latihan diplomatik, di sini.

Abdullah juga berkata Malaysia berharap perjanjian sedemikian akan menggalakkan perkongsian dalam pelbagai perniagaan seperti pembinaan, perlombongan dan penggalian minyak dan gas, pembangunan pelancongan, perindustrian dan pengeluaran.

Malaysia pula mahukan pekerja-pekerja teknikal dari Myanmar berikutan kekurangan kumpulan pekerja itu di negara ini, kata Abdullah.

Malaysia dan Myanmar mencatatkan peningkatan dalam jumlah dagangan iaitu daripada RM213.6 juta pada 1991 kepada RM683.5 juta tahun lepas.

Eksport Malaysia ke Myanmar ialah minyak sawit, petroleum mentah, produk petroleum, bijirin dan tembakau. Import Malaysia dari Myanmar ialah bijirin, getah, sayuran dan kimia organik.

Mengenai pertemuan dengan Jen Than Shwe dan Dr Mahathir, Abdullah berkata Perdana Menteri telah menyatakan penghargaannya terhadap pemimpin Myanmar itu kerana memaklumkan kepadanya mengenai perkembangan dan keadaan di Myanmar.

"Taklimat yang diberikan sangat baik. Ia memberikan kita peluang untuk memahami keadaan di Myanmar dan apa yang dilakukan oleh kerajaan Myanmar pada masa ini," katanya.

Mengenai penyertaan Myanmar dalam ASEAN, Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu Jen Than Shwe bahawa beliau berharap Myanmar akan menyertai ASEAN tahun depan memandangkan pertubuhan tujuh negara itu akan menyambut ulang tahun ke-30 pada tahun itu.

Abdullah berkata Malaysia berharap lawatan Jen Than Shwe, yang pertama seumpamanya ke negara ini, akan membuah hasil mengikut dasar "hubungan membina" ASEAN terhadap Myanmar.

ASEAN telah memutuskan dasar tidak campur tangan dan hubungan membina dengan Myanmar.

Beliau juga berkata Jen Than Shwe berkata Myanmar, yang tidak mahu ketinggalan dalam pertubuhan itu, mahu menyertai Asean secepat mungkin selewat-lewatnya tahun depan.

"Tiada kesukaran bagi Myanmar untuk menyertai ASEAN tahun depan. Bagaimanapun, seperti Kemboja dan Laos yang berminat menyertai pertubuhan itu, ia perlu melalui semua proses berkenaan," katanya.

"Myanmar telah memberikan jaminan bahawa semua persediaan sewajarnya diambil bagi membolehkannya menyertai kumpulan itu. Mereka kini dalam peringkat berdialog. Myanmar sudahpun menyertai forum serantau Asean dan ia telah diberi status sebagai anggota pemerhati ASEAN," katanya. -- BERNAMA

ARA NAK